



BULETIN

MAJLIS DAERAH GERIK



*Majlis
Angkat Sumpah*

**AHLI MAJLIS DAERAH GERIK
BAGI SESI 2024-2026**

**SENTUHAN KASIH KEMENTERIAN
PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN DI PASAR AWAM GERIK
PERAK**

**MAJLIS KORBAN DAN AKIKAH SEMPENA
SAMBUTAN HARI RAYA AIDILADHA 2024
MAJLIS DAERAH GERIK**



**EDISI JAN - JULAI 2024
BIL 1/24**

MAJLIS AMANAT YANG DIPERTUA SEMPENA PERHIMPUNAN AWAL TAHUN DAN MAJLIS PERSARAAN KAKITANGAN MAJLIS DAERAH GERIK



KURSUS PEMANTAPAN PENGUATKUASAAN MAJLIS DAERAH GERIK TAHUN 2024





SANTUNI PENIAGA BAZAR RAMADAN GERIK 2024



YB DATO' SALBIAH BINTI MOHAMED, ADUN Temengor meluangkan masa menyantuni para peniaga di Bazar Ramadan Gerik dan turut menyampaikan sumbangan kepada peniaga-peniaga dan juga kepada pengunjung yang hadir.

Turut hadir bersama, ENCIK AHMAD FAZRIL BIN RAMLI, Setiausaha Majlis Daerah Gerik dan juga Ahli Majlis Daerah Gerik.





Majlis Angkat Sumpah

AHLI MAJLIS DAERAH GERIK BAGI SESI 2024-2026



5 MAC 2024 (ISNIN) - Seramai 18 Ahli Majlis telah mengangkat sumpah sebagai jawatan Ahli Majlis, Majlis Daerah Gerik yang berlangsung pada jam 9.00 pagi di Dewan Persidangan Gerik.



Upacara mengangkat sumpah ini disaksikan oleh YB Dato Salbiah binti Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan Dan Koperasi Negeri Perak Merangkap ADUN Temengor.



Tempoh pelantikan ini adalah selama 2 tahun bermula 16 Mac 2024 hingga 15 Mac 2026.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua dan Selamat Menjalankan Tugas supaya dapat memacu MDG ke persada yang lebih tinggi.

4 KENDURI IFTAR DAN TARAWIH PESKEM 2024



SENTUHAN KASIH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN DI PASAR AWAM GERIK PERAK



Program Sentuhan Kasih anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dilaksanakan di Pasar Awam Gerik, Perak sebagai salah satu inisiatif mendekati komuniti setempat, khususnya para peniaga dan pengunjung pasar.



Program ini bertujuan menyantuni golongan sasaran melalui pendekatan turun padang, menyampaikan sumbangan serta menyelami sendiri isu dan keperluan yang dihadapi oleh peniaga kecil dan masyarakat setempat.



Terima Kasih YB Tuan Nga Kor Ming 倪可敏 Menteri KPKT, kerana sempat meluangkan masa bagi membincangkan mengenai pembangunan Pekan Gerik disamping menyantuni para peniaga di pasar awam gerik.

SAMBUTAN HARI RAYA

Aidilfitri

Majlis Sambutan Aidilfitri Majlis Daerah Gerik telah diadakan di dataran parkir Dewan Persidangan MD Gerik dengan kehadiran para jemputan terdiri dari Ketua Jabatan Daerah, Pegawai dan Kakitangan MD Gerik, Pemegang Taruh dan Rakan Strategik MD Gerik

Majlis bermula pada jam 2:40 Petang dan telah dirasmikan oleh YBrs Tuan Mohd Zairashahli Shah bin Zakaria, Yang DiPertua MD Gerik dihadapan para jemputan yang hadir

Majlis diserikan lagi dengan pelbagai acara selain dari hidangan santapan yang disediakan oleh setiap jabatan MD Gerik

Pihak pentadbiran mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir memeriahkan majlis ini. Semoga bertemu lagi ditahun hadapan



LAWATAN TAPAK

OLEH MOTAC PERAK



Pengarah MOTAC Perak, En Muhammad Aminuddin bin Abdul Majid bersama pegawai2 beliau sempat meluangkan masa bagi melawat tapak untuk dinaiktaraf bagi merancakkan lagi sektor pelancongan di Gerik. Turut serta adalah wakil daripada Unit Pelancongan bersama setiausaha MD Gerik.

Antara tapak yang terlibat untuk dinaiktaraf adalah :-

- 1) Bangunan warisan Bandar Gerik (Lukisan Mural Eko-Pelancongan)
- 2) Kaki Gunung Pulut Kg Tawai (lenggong Geopark)
- 3) Jeti Awam, Pulau banding



**MAJLIS KORBAN DAN AKIKAH SEMPENA
SAMBUTAN HARI RAYA AIDILADHA 2024
MAJLIS DAERAH GERIK**



**PERHIMPUNAN
BULANAN JULAI 2024
MAJLIS DAERAH GERIK
BERSAMA YAPIEM PERAK**

Majlis Daerah Gerik mengucapkan ribuan kepada pihak YAPIEM Perak kerana sudi hadir untuk memberikan taklimat dan menyampaikan sumbangan FOOD basket kepada kakitangan MD Gerik.





**SIDANG REDAKSI BULETIN
MD GERIK**

PENAUNG

TN. MOHAMAD FITRI BIN HASSAN (P.C.M.)
YANG DIPERTUA MD GERIK

PENASIHAT

AHMAD FAZRIL BIN RAMLI
PEGAWAI TADBIR, SETIAUSAHA , N9

KETUA EDITOR

MOHD KHAIRUL ANWAR BIN HUSSAIN
PEN. PEG. TEKNOLOGI MAKLUMAT

EDITOR

NURZAKIRAH BINTI AHMAD NOOR
PEMBANTU TADBIR

JURUFOTO

MUSTAQIM BIN KHAIRUL HIZAD
AINUDDIN BIN KAMARUDIN
NURZAKIRAH BINTI AHMAD NOOR

EMAIL:

mdg@gerik.gov.my

NO TELEFON:

05-7912305

ALAMAT:

Pejabat Majlis Daerah Gerik
Jalan Haji Meor Yahaya
33300 Gerik, Perak.

FACEBOOK:

Majlis Daerah Gerik

PORTAL:

Majlis Daerah Gerik

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk
penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan
kebenaran bertulis daripada MDG